

**Pemimpin Pembangkang Disaran Semak Fakta Sebelum Keluar Kenyataan Bernama  
4 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meminta para pemimpin pembangkang menyemak fakta sebelum mengeluarkan kenyataan mengenai sesuatu isu terutama membabitkan soal keselamatan dan pertahanan.

Beliau berkata perkara itu penting bagi mengelakkan kenyataan itu menjadi bahan ketawa pihak yang lebih mengetahui.

"Saya fikir sektor keselamatan dan pertahanan ini janganlah disentuh biarlah ahli profesional dalam kalangan tentera dan polis yang jalankan tugas mereka," katanya pada sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Pertahanan di sini, Selasa.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Nurul Izzah Anwar Sabtu lepas yang membuat andaian sekiranya pakatan pembangkang memerintah, mereka akan membekukan pengambilan baharu anggota polis kerana mendakwa nisbah anggota polis dengan penduduk di negara ini melebihi statistik piawaian antarabangsa.

Reaksi daripada kenyataan itu, Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman Datuk Mortadza Nazarene menafikannya dengan menyatakan bahawa nisbah anggota polis kepada penduduk di negara ini adalah seorang untuk 500 dan ini menjadikan beban tanggungjawab polis tinggi.

Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden Umno berkata soal keselamatan dan pertahanan negara tidak harus dipolemikkan kerana soal keselamatan dan pertahanan negara tidak ada sebarang kompromi.

"Kita sebagai rakyat Malaysia harus memberikan sepenuh kepercayaan kepada polis dan tentera untuk mereka jalankan tanggungjawab," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713766>